



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN MURID DALAM PROGRAM SATU MURID SATU SUKAN SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK

ROSNI BIN MANSOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap dan faktor penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar, Perak. Kajian ini juga mengukur tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dan tahap kemahiran Guru Penasihat 1M 1S di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga mengesahkan secara empirikal perkaitan di antara kedua-dua tahap tersebut dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S. Seramai 201 orang guru dipilih sebagai responden dan instrumen soal selidik atas talian telah digunakan. Analisis statistik deskriptif dan ujian korelasi telah digunakan dan hasil dapatan menunjukkan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi pada peratusan kehadiran antara 80% hingga 100% dengan jumlah kekerapan sebanyak 116 iaitu 57.7%. Secara keseluruhan, tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah adalah sederhana dengan analisis data $n = 201$, $M = 3.55$, $SD = 0.555$. Bagi tahap kemahiran guru, secara keseluruhan adalah tinggi dengan analisis data $n = 201$, $M = 4.51$, $SD = 0.641$. Hasil ujian statistik korelasi *Pearson Product Moment* bagi menentukan hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar menunjukkan terdapat perkaitan positif sederhana yang signifikan, $r = .248$, $n = 201$, $p < 0.000$. Hubungan di antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar pula menunjukkan terdapat perkaitan positif sempurna yang signifikan, $r = 1$, $n = 201$, $p < 0.000$. Kesimpulannya, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti 1M 1S berada pada tahap tinggi. Tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta tahap kemahiran guru juga berada pada tahap tinggi dan kedua-duanya mempengaruhi penglibatan pelajar dalam 1M 1S. Implikasi kajian menunjukkan kepentingan peranan pentadbir dan guru untuk memastikan penglibatan murid secara optimum menerusi aktiviti 1M 1S.





THE PUPIL'S PARTICIPATION IN ONE PUPIL ONE SPORT IN PRIMARY SCHOOL AT DISTRICT OF KUALA KANGSAR, PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study was to measure the level and factors that affecting the pupil's participation in One Pupil One Sport (1M 1S) for primary school co-curricular activities in district of Kuala Kangsar, Perak. The research also measured the level of sports equipment usability and the 1M 1S Teacher Advisor's skill. In addition, this study empirically verified the relationship between both levels with the pupil's participants in 1M 1S co-curricular activities. 201 teachers were selected as the respondents and the online survey instrument was used for data collection. Descriptive statistical analysis and correlation tests were carried out and the findings showed that the level of pupil's participation in 1M 1S co-curricular activities were in the highest level between 80% to 100% participant with a total of 116 frequencies 57.7%. Overall, the sports equipment usability level was moderate with data analysis $n = 201$, $M = 3.55$, $SD = 0.555$. As for the teacher's skill level, overall analysis of the data was high with $n = 201$, $M = 4.51$, $SD = 0.641$. The results of the Pearson Product Moment correlation statistic in determining the relationship between the level of sports equipment usability with the level of pupil's participation showed that there was a significant moderate positive correlation, $r = .248$, $n = 201$, $p < 0.000$. The relationship between the level of teacher's skill with the level of pupil's participation showed that there was a significant perfect positive correlation, $r = 1$, $n = 201$, $p < 0.000$. In conclusion, the level of pupil's participation in 1M 1S activities was significantly high. Both level for sport equipment usability and teacher's skill were high and affecting the pupil's participation in 1M 1S. The implication of the study shows the importance role of administrators and teachers to ensure optimum pupil's involvement through 1M 1S activities.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	14





viii

1.8	Kerangka Kajian	14
1.8.1	Kerangka Teori Kajian	14
1.8.2	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Batasan Kajian	18
1.11	Definisi Istilah 18	
1.11.1	Kemahiran	19
1.11.2	Kebolehgunaan	19
1.11.3	Kemudahan dan Peralatan	20
1.11.4	Penglibatan Murid	20
1.12	Rumusan	21



2.1	Pengenalan	22
2.2	Dasar Pendidikan Kebangsaan	23
2.2.1	Dasar Kurikulum Kebangsaan	23
2.2.2	Dasar Kokurikulum	25
2.3	Kokurikulum	27
2.3.1	Konsep Kokurikulum	29
2.3.2	Matlamat Kokurikulum	30
2.3.3	Objektif Kokurikulum	32
2.3.4	Peranan Kokurikulum	33
2.3.5	Kokurikulum 1M 1S	34
2.4	Teori Penglibatan Pelajar Astin	36
2.5	Model Multifaktor Kecederaan Dalam Sukan (<i>New Multifactorial Model of Athletic Injury Etiology</i>)	38





2.6	Sistem Penilaian Tingkahlaku Jurulatih CBAS (<i>Coching Behavior Assessment System</i>)	39
2.7	Kajian Lepas	41
2.8	Rumusan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	47
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Kajian Rintis	49
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	50
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	52
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	54
3.9	Rumusan	58



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisa Demografi Sampel	60
4.3	Analisa Soalan Kajian	62
4.3.1	Persoalan Kajian 1: Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	62
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?	64
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	65
4.3.4	Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan	67





x

dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan
kokurikulum 1M 1S di sekolah?

- 4.3.5 Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 68

4.4	Rumusan	69
-----	---------	----

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	70
5.2	Profil Demografik Sampel	71
5.3	Perbincangan Soalan Kajian	72
5.3.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	72
5.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?	73
5.3.3	Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	74
5.3.4	Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	75
5.3.5	Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	76
5.4	Implikasi Dapatkan Kajian	78
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	80
5.4	Penutup	81
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka surat
1.1 Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar 1M 1S (KPM, 2011)	8
1.2 Objektif, soalan dan hipotesis kajian	13
2.1 Garis Panduan Dalam CBAS	40
3.1 Justifikasi Skala Likert	49
3.2 Statistik Kebolehpercayaan Soal Selidik Berdasarkan Cronbach Alpha	50
3.3 Analisis Data	56
4.1 Analisis Data Demografik	61
4.2 Tahap Penglibatan Murid dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah	63
4.3 Kekerapan dan Peratusan Tahap penggunaan Penglibatan Murid dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah	63
4.4 Tahap Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah	64
4.5 Min setiap item dalam Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah	65
4.6 Tahap Kemahiran Guru	66
4.7 Min Setiap Item Tahap Kemahiran Guru	66
4.8 Kolerasi antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum di Sekolah	67
4.9 Kolerasi antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di Sekolah	68





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1. Kerangka Teori	15
1.2. Kerangka Konseptual	16
2.1. Teori Penglibatan Pelajar Astin.	36
2.2. Model Multifaktor Kecederaan dalam Sukan	38



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI SINGKATAN

1M 1S	Dasar 1 Murid 1 Sukan
CBAS	<i>Coaching Behaviour Assessment System</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JERI	Jasmani, emosi dan intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM 05-4506832	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pustaka.upsi.edu.my
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PIPP	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Taburan Kokurikulum Sukan Dan Permainan Satu Murid Satu Sukan (1M 1S)
Mengikut Sekolah Di Daerah Kuala Kangsar
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan
- C Instrumen Soal Selidik
- D Statistik Kebolehpercayaan Mengikut Item Berdasarkan Cronbach Alpha
- E Senarai Sekolah Yang Tidak Menjawab Soal Selidik
- F E-mel kebenaran menggunakan Instrumen
 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
- G E-mel Kepada Sekolah
- H Antara muka borang soal selidik menggunakan *Google Form*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengubal satu sistem pendidikan di Malaysia bagi membangunkan modal insan secara holistik iaitu merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) selaras dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (KPM, 2013). Bagi mewujudkan sebuah sistem pendidikan yang seimbang, penekanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Kurikulum boleh didefinisikan sebagai aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam atau di luar bilik darjah atau dikenali juga sebagai mata pelajaran akademik (Ab Alim Abdul Rahim, 2004). Manakala bagi kokurikulum pula boleh didefinisikan sebagai satu proses pendidikan terancang yang dilaksanakan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



selepas waktu pengajaran dan pembelajaran formal di lokasi bebas seperti di dalam kelas seperti kebiasaan atau di luar kelas (Mok Soon Sang, 2011).

Bidang kokurikulum dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan penyampaian ilamu pengetahuan, penerangan konsep, menimba pengalaman dan mempelajari kemahiran merentasi kurikulum. Bidang ini merangkumi mata pelajaran pendidikan jasmani, seni visual, rekreasi, sains, teknologi maklumat dan komunikasi, sosial dan kemasyarakatan. Menyokong FPK, bidang ini dapat membina fizikal yang cergas, menguatkan mental, membantu mengawal emosi, memantapkan rohani dengan penerapan nilai-nilai murni berdasarkan agama. Proses menjana model insan ini perlu berterusan dan menyeluruh melibatkan kedua-dua bidang iaitu kurikulum dan kokurikulum (Tam Yeow Kwai, 2010).



Bidang kokurikulum adalah platform terbaik dalam merealisasikan FPK terutamanya dalam menjana pelajar yang seimbang jasmani, emosi, rohani, intelek (JERI) dan sosial yang seterusnya mampu melahirkan modal insan dengan kemahiran yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Kokurikulum adalah satu cabang pendidikan yang memberi pengalaman pembelajaran di pelbagai lokasi yang tidak terhad kepada bilik darjah sahaja, seperti unit beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan. Bidang kokurikulum ini boleh dijadikan pelengkap bagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha menyemai nilai-nilai murni dan melahirkan murid yang holistik dan berketrampilan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang kurikulum adalah satu proses pendidikan terancang yang dilaksanakan selepas waktu pegajaean dan pembelajaran formal di lokasi bebas seperti kebiasaan atau luar kelas. Kurikulum dilihat dapat melahirkan pelajar yang seimbang seperti mana hasrat yang terkandung dalam FPK. Pelajar yang seimbang JERInya dapat membentuk satu masyarakat Malaysia yang harmonis. Untuk itu kurikulum adalah satu wadah paling berkesan untuk meralasikan FPK terutama dalam menjadikan modal insan yang seimbang dari segi JERI yang seterusnya menyumbang kepada sumber modal insan kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi di Malaysia.



Hal ini ditegaskan lagi apabila YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia dalam teks ucapan pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Guru tahun 2015 yang menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai murni dalam kandungan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sukan dan kurikulum. Antara nilai murni tersebut ialah sifat jujur, dipercayai, taat, berbudi, amanah, telus dan lain-lain lagi bagi melahirkan generasi yang berintegriti pada masa hadapan. Ini bersesuaian dengan tema hari guru pada tahun tersebut iaitu “Guru: Membina Ilmu dan Menyempurnakan Akhlak”.

Pada 17 Mac 2010, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah memutuskan bahawa Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) akan dilaksanakan mulai 2011 di semua sekolah KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Dasar 1M 1S telah mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4

kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan FPK yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi JERI. Dasar ini juga selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat dan hendaklah dimulakan di peringkat sekolah melalui dua strategi iaitu Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan.

Sukan Untuk Semua adalah satu dasar untuk mendidik setiap murid dalam membina kesihatan, sahsiah dan kesejahteraan. Manakala Sukan Untuk Kecemerlangan pula mensasarkan kepada prestasi murid yang berbakat dan berpotensi hendaklah terus dibangunkan di bawah Program Kecemerlangan Bakat Muda, Sukan Prestasi Tinggi Sekolah serta lain-lain sukan bergantung kepada pihak sekolah. Ternyata, penglibatan murid dalam bidang sukan adalah amat penting menyokong aspirasi Satu Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu. Dasar ini menyokong hasrat YAB Perdana Menteri dalam meningkatkan semangat perpaduan dalam Satu Malaysia.

KPM melalui Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 16, Tahun 2010, telah mengariskan rujukan kepada pihak pentadbir sekolah bagi mencapai matlamat dasar 1M 1S seperti tersebut:

- i. Setiap murid termasuk berkeperluan khas yang sihat WAJIB menyertai sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.
- ii. Pihak sekolah perlu mengurus dan merancang aktiviti sukan di sekolah secara sistematis bagi meningkatkan penyertaan dan membantu mengembang potensi setiap murid dalam sukan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



- iii. Pihak sekolah perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran di sekolah atau kawasan persekitaran dengan menutamakan keselamatan murid.
- iv. Pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah.
- v. Pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun seperti yang disarankan dalam surat siaran bertarikh 14 Januari 2010.

1.3 **Pernyataan Masalah**

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program yang melibatkan kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, kebudayaan, sosial dan kepercayaan. Ia adalah penting bagi membantu perkembangan pelajar dengan optimum dari segi JERI dan untuk meningkatkan pengetahuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Perkembangan pelajar secara holistik juga ditekankan dalam sebelas anjakan untuk transformasi sistem melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) anjakan ketiga, iaitu dengan menguatkan keperluan penyertaan pelajar dalam satu sukan, satu kelab dan satu badan beruniform.

Penglibatan murid dalam menyertai kegiatan kokurikulum merupakan satu kepentingan dan satu kemastian di sekolah-sekolah KPM. Disamping menyahut aspirasi KPM dalam penghasilan modal insan yang holistik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) kegiatan sukan terbukti dapat menyumbang kebaikan kepada masyarakat (Frisby, 2005). Namun begitu, dalam kegiatan kokurikulum di sekolah,

Commented [MOU1]: i.Mengukur tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.

ii.Mengenalpasti faktor yang menjadi motivasi bagi mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah

iii.Mengenalpasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.

iv.Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.

v.Mengenalpasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.

vi.Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.





terdapat isu penglibatan murid yang merosot (Fadzli, 2012). Ia berpunca daripada beberapa faktor seperti guru yang tidak kompeten, kurangnya dorongan ibu bapa dan infrakstruktur sekolah yang tidak sempurna (Noor Azzam Syah Mohamed, 2016). Sokongan pihak pentadbir juga memainkan peranan yang besar dengan tidak mengetepikan kurikulum demi mengejar kecemerlangan kurikulum semata-mata (Wahab, 2010).

Kebanyakkan pentadbir akan memilih kecemerlangan akademik sebagai perkara utama bagi menempatkan sekolahnya di dalam senarai yang terbaik di dalam peperiksaan awam seperti UPSR, SPM dan STPM (Nor Hisham & Tajul Arifin, 2010). Menurut Nor Hisham & Tajul Arifin (2010), ini adalah kerana pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah mensasarkan pencapaian akademik sebagai ukuran keberkesanan pengetua dan guru besar di sekolah. Malah, ada segelintir pentadbir beranggapan bahawa aktiviti kurikulum terasing daripada mata pelajaran akademik bahkan merupakan program libur yang memalaikan dan menjatuhkan keputusan akademik sekolah (Md Amin Md Taff, Azlizam Abdul Aziz, & Jaffry Zakaria, 2011).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi melihat kepatuhan pihak sekolah dalam menyokong dan melaksanakan dasar KPM seterusnya mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar, Perak. KPM telah mengeluarkan Buku Panduan Pelaksanaan 1M 1S bagi membantu pihak sekolah menyempurnakan dasar kerajaan. Sekolah-sekolah diberi keringinan untuk memilih dan mengubah suai kaedah pelaksanaan mengikut kesesuaian, kemampuan dan keperluan sekolah. Sekolah juga boleh mencari kaedah

Commented [MOU2]: Objektif 1: Mengukur tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.





lain sekiranya difikirkan sesuai yang selari dengan matlamat kurikulum 1M 1S (KPM, 2011).

Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kemudahan seperti padang dan peralatan sukan, sekolah disyorkan berkongsi kemudahan dengan institusi lain. Sekolah juga boleh menggunakan kreativiti menggunakan kawasan sekolah yang terhad dan mengaplikasikan alatan sedia ada. Namun, Menurut Mohd Fadzli (2012), terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S kurang memberangsangkan. Perkara tersebut ialah kekurangan kemudahan dan peralatan, kekurangan tenaga pakar dalam sukan dan yang terakhirnya iaitu penjadualan.



Selain itu kekurangan kemudahan dan peralatan juga telah mengganggu kelancaran aktiviti latihan yang akan dilaksanakan. Terdapat juga sekolah yang menghadapi masalah kemudahan tempat yang terhad untuk menjalankan aktiviti kurikulum dalam satu-satu masa yang sama terutamanya sekolah yang mengamalkan pembelajaran dua sesi (Mok Soon Sang, 2011). Selain itu menurut Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi dan Rahmad Sukor Ab. Samad (2014), prasarana dan peralatan yang cukup amat penting kepada murid melakukan aktiviti bagi menjamin keselesaan dan mengelak kemalangan yang tidak diingini berlaku seperti kecederaan yang dialami oleh murid akibat penggunaan alatan yang rosak.





Jadual 1.1

Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar 1M IS (KPM, 2011)

Bil	Kaedah Pelaksanaan	Sekolah Satu Sesi	Sekolah Dua Sesi	Sekolah Kurang Kemudahan Asas Sukan	Sekolah Ramai Murid	Sekolah Kurang Murid
1.	Dilaksanakan petang diluar waktu akademik	/	/	/	/	/
2.	Dilaksanakan pagi diluar waktu akademik		/	/	/	
3.	Berkongsi kemudahan sukan di luar sekolah dengan pihak selain sekolah	/	/	/	/	/
4.	Pilih sukan yang tidak memerlukan ruang yang luas		/	/	/	
5.	Merangka jadual program sukan berdasarkan	05-4506832	pustaka.upsi.edu.my/	f Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		
	- Bilangan Murid					
	- Bilangan Guru					
	- Kemudahan dan prasarana					
	- Kerjasama dengan pihak luar					
6.	Mewujudkan permuafakatan dan perkongsian pintar dengan persatuan dan agensi sukan	/	/	/	/	/
7.	Dilaksanakan pada Sabtu bagi kumpulan murid dan guru secara bergilir		/	/	/	





Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah sehingga ia boleh menghalang kreativiti guru-guru dalam menjalankan program 1M 1S seperti garis panduan yang telah disediakan. Kajian ini turut dijalankan bagi mengesan apakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan ini dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah yang menjurus kepada kemerosotannya.

Commented [MOU3]: Objektif 3: Mengenalpasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.

Guru sekolah sememangnya telah mendapat latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) mahupun universiti dan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam bidang pedagogi dan kurikulum mata pelajaran. Namun penguasaan dalam kemahiran dalam bidang-bidang kegiatan kurikulum masih di tahap yang rendah (Mok Soon Sang, 2011). Ini disebabkan oleh kebanyakan guru penasihat kurikulum kurang mahir akibat kurang pendedahan yang mereka perolehi dalam pengurusan aktiviti kurikulum (Mok Soon Sang, 2011). Ahmad (2006) dalam Pui Tze Yang (2010) menjelaskan bahawa faktor ini didorong oleh pengkhususan dan pembelajaran semasa mengikuti kursus ikhtisas pendidikan guru lebih berfokus kepada metodologi dan pedagogi pengajaran subjek akademik.

Commented [MOU4]: Objektif 4: Mengesan hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.

Seterusnya apabila guru-guru tersebut ditugaskan di sekolah, mereka juga tidak akan mendapat latihan dalam bidang kurikulum yang secukupnya (Singh & Surujlal, 2010). Peruntukan tahunan yang diterima oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BBK), KPM yang kurang dan tidak menentu pada setiap tahun juga menjelaskan peruntukan bagi menjalankan kursus untuk memberi latihan kepada guru-guru kurikulum bagi mengatasi masalah tersebut (Utusan Malaysia, 2011).





Kekurangan ilmu pengetahuan dalam kalangan guru-guru terhadap aspek kegiatan kurikulum telah menyebabkan kegagalan dalam pelaksanaan kegiatan kurikulum seterusnya boleh mengundang risiko kecederaan dalam sukan (Mustaffa, 2015). Guru yang terlibat dalam aktiviti kurikulum hanya menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh pihak pentadbiran (Mohamad Najib & Jamaliah, 2011). Hasil kajian mereka mendapati kemahiran membimbing, melaksana dan membuat penilaian dan komitmen guru berada di tahap yang lemah. Lanjutan daripada itu terdapat sesetengah guru penasihat kurikulum yang mempunyai masalah etika dalam menjalankan aktiviti kurikulum seperti ponteng kelas, terutamanya jurulatih dari luar sekolah (Mok Soon Sang, 2011).



Justeru, berdasarkan permasalahan yang dinyatakan, maka perlu dilakukan kajian untuk mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah. Keperluan yang serius dalam melihat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah juga kritikal dalam usaha meningkatkan bilangan kehadiran murid khasnya dan meningkatkan mutu sukan Negara pada masa akan datang amnya.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengukur tahap dan faktor penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah. Kajian ini juga mengukur tahap kebolehgunaan peralatan sukan dan tahap kemahiran guru di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga berusaha untuk mengesahkan secara empirikal perkaitan di antara tahap





kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat lima objektif kajian ini, iaitu:

- i. Mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.
- ii. Mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.
- iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.
- iv. Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.
- v. Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Apakah tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?
- ii. Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?
- iii. Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?
- v. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 1.2

Objektif, Soalan dan Hipotesis Kajian

Objektif kajian	Soalan Kajian	Hipotesis
i. Mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.	i. Apakah tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	Tiada
ii. Mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.	ii. Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?	Tiada
iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.	iii. Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	Tiada
iv. Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.	iv. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho ¹ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.
v. Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.	v. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho ² : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kurikulum 1M 1S di sekolah.